

Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 042-053
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Hani Kamariah Mat Abdullah,¹ Suhaimi Ab Rahman,² Rasyikah Md. Khalid³
& Nurul Aiman Mat Abdullah⁴

Abstrak

Pembahagian harta pusaka Islam merupakan satu ketetapan yang telah dinyatakan menerusi ayat al-Quran dikenali dengan ayat *mawarith* dari surah an-Nisa' berkait rapat dengan hak dan tanggungjawab. Pastinya terdapat kebaikan dan manfaat pada ekonomi dan kesejahteraan sosial daripada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Penerimaan undang-undang Islam diterima baik dan diamalkan di Malaysia oleh satu badan perundungan yang khusus mengenai hukum syarak. Namun, dalam tuntutan harta pusaka Islam di Malaysia, terdapat kepelbagaian agensi dari bidang kuasa yang berbeza mengendalikan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam kesan peninggalan sistem perundungan penjajah. Kepelbagaian agensi dan perundungan ini membawa kepada prosedur yang berbeza mengakibatkan kekeliruan dan kerumitan dalam tuntutan pusaka Islam di kalangan orang awam. Statistik harta pusaka tidak dituntut sudah lama menjadi perbahasan dan ulasan masyarakat memandangkan jumlah kes yang semakin meningkat saban tahun. Oleh yang demikian, penulisan ini bertujuan meningkatkan kesedaran umat Islam akan perkembangan pengurusan pusaka Islam di Malaysia dan terus menyuburkan ilmu pengetahuan sehingga penyelesaian terbaik dalam pengurusan pusaka dapat dirungkai. Metode kajian menggunakan kaedah kualitatif di mana kajian perpustakaan dilakukan bersumberkan data-data dan maklumat dari buku, jurnal, kertas kerja dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Hasil kajian mendapati inisiatif memupuk kesedaran akan kepentingan pengurusan dan pentadbiran pusaka Islam kepada pihak awam telah banyak diusahakan menerusi penulisan. Satu langkah kerjasama perlu dilaksanakan oleh badan atau institusi tertentu yang berautoriti dalam pengurusan dan pembahagian harta pusaka agar proses tuntutan pusaka Islam berjalan lancar dan tidak menjadi satu kerumitan kepada orang awam.

Kata kunci:

Pengurusan, pentadbiran, pembahagian, harta pusaka Islam.

Cite This Article:

Hani Kamariah Mat Abdullah, Suhaimi Ab Rahman, Rasyikah Md. Khalid & Nurul Aiman Mat Abdullah. 2020. Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 042-053.

¹ Institusi Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia, 43400 Seri Kembangan, Serdang, Malaysia

² Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Seri Kembangan, Serdang, Malaysia

³ Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

SUHAIMI AB RAHMAN, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Seri Kembangan, Serdang, MALAYSIA,
E-mail: suhaimiabrahman@upm.edu.my

Pengenalan

Harta pusaka merupakan harta peninggalan si mati daripada harta atau segala hak yang dimilikinya semasa hidup, diagihkan kepada waris selepas kematiannya. Pembahagian pusaka dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran mengenai golongan waris yang berhak mengikut urutan dan bahagian yang layak ke atasnya. Kaedah pembahagian ini dipercayai memberi *maslahah* dan keadilan ke atas waris berserta hak dan tanggungjawabnya. Menerusi ayat *mawarith* ini juga memberi jaminan harta si mati diagihkan dan diuruskan secara betul untuk mencapai maqasid syariah iaitu *hifz mal* walaupun selepas kematian. Pengagihan harta pusaka yang betul memberi kebaikan bukan sahaja kepada waris namun memberi impak yang positif dalam ekonomi dan kesejahteraan sosial memandangkan ianya merupakan salah satu sumber perolehan ekonomi kepada umat.

Statistik dari tahun ke tahun menunjukkan peningkatan terhadap harta pusaka yang tidak diurus. Mengikut statistik pada tahun 2006 dari Amanah Raya berhad (ARB) satu juta kes tuntutan pusaka yang mencapai RM 38 bilion tidak diselesaikan kerana pengurusan pusaka yang lemah dari kalangan waris (Abas,2006). Kebanyakan kes meliputi 90% melibatkan Muslim di Malaysia. Pada tahun 2007, jumlah harta pusaka tidak dituntut mencecah RM 40 bilion. Statistik dari ARB, RM 38 bilion merupakan harta tanah atau harta tak alih, RM 1.5 bilion wang yang tidak dituntut dan RM 70 juta dari Kumpulan Wang simpanan Pekerja (KWSP) dan dianggarkan satu juta milikan tanah masih dinamakan dengan nama si mati (Arbee,2017, Shafei et.al,2016).Pada tahun 2009 pula jumlah harta alih iaitu wang simpanan sejumlah RM 31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (Abdul Rahim,2009). Tahun 2014, lebih 1 juta kes pusaka anggaran nilai RM 52 bilion masih belum diselesaikan (Sabirin,2014). Tahun 2016, jumlah tersebut meningkat sebanyak RM 60 bilion. Pada tahun 2010, anggaran jumlah 41 bilion aset dimiliki 500,000 oleh Muslim beneficiari masih dibekukan (Aziz 2016).

Statistik-statistik berikut tidak menyatakan secara khusus pemilikan harta dari orang Islam, namun dapat dianggarkan kebanyakannya adalah meliputi harta orang Islam (Shafie & Wan Zahari, 2016). Harta pusaka yang tidak dituntut menyebabkan tanah-tanah terbiar dan tidak diuruskan. Sebagai contoh terdapat tanah-tanah Felda, tanah adat dan tanah Rizab Melayu yang berpotensi untuk dibangunkan. Sekiranya tidak ada pemilikan, tanah ini tidak mendatangkan manfaat dan tidak dapat diuruskan dengan sepatutnya akibat dari kesukaran mendapatkan insentif kewangan dari badan berautoriti (Kamarudin, 2016).

Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka Islam di Malaysia

Islam merupakan agama yang syumul merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Setiap dari satu hukum yang telah diperintahkan mempunyai sebab musabab dan hikmah yang cukup besar secara tersurat mahupun tersirat bagi golongan yang berfikir. Islam telah berkembang di kepulauan Tanah Melayu bermula dari abad kelima belas dengan kedatangan pedagang Arab yang singgah di pelabuhan Melaka melalui penerapan unsur tauhid berbanding aspek hukum Islam (Othaman Ishak,1979). Maka tidak hairanlah masyarakat Melayu sungguh dekat dengan

amalan adat. Dua adat yang cukup sinonim dalam pengagihan harta pusaka ialah Adat Perpatih berasal dari masyarakat Minangkabau dan Adat Temenggong dari Palembang dan Sumatera. Terdapat beberapa unsur amalan adat yang diterima pakai bercanggah dengan hukum asal pembahagian harta pusaka Islam atau faraid. Bagi mengatasi pertikaian dan perselisihan antara hukum adat dan hukum Islam, maka setiap kerajaan negeri mengambil inisiatif menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan adat Istiadat Melayu dalam menasihati Sultan sebagai ketua agama Islam negeri berkaitan hal-hal pentadbiran agama.

Kesedaran pengurusan harta pusaka Islam diterima baik di Malaysia dengan mengguna pakai hukum faraid dalam pembahagian harta pusaka. Sistem faraid yang disyariatkan dengan prinsip hukum Syarak diamalkan secara berkesan oleh Mahkamah Syariah walaupun tidak terdapat undang-undang bertulis seperti di Mesir iaitu Qanun al-Mawarith 1943 yang menganunkan sistem faraid. Allah S.W.T telah menetapkan dalam ayat 5,7,8,11, 12 dan 176 surah al-Nisa' dengan jelas berkaitan pewarisan harta pusaka, waris yang layak menerima harta pusaka serta bahagian yang layak diterima. Penetapan ini memberi keadilan yang cukup menyeluruh dan memberi jaminan kedudukan harta selepas kematian si mati secara hakiki atau taqdiri. Berikut merupakan senarai waris dan bahagian yang dinyatakan dalam al-Quran:

Jadual 1: Senarai waris dan bahagian dalam al-Quran

Benefisiari	Bahagian	Kondisi
Anak lelaki	2 bahagian anak perempuan (2:1)	
Anak perempuan	$\frac{1}{2}$	Seorang
	$\frac{2}{3}$	Ramai
Ayah	$\frac{1}{6}$	Bersama cucu
	$\frac{1}{6} + \text{asabah}$	Bersama anak perempuan
	Asabah	Ketiadaan anak
Ibu	$\frac{1}{6}$	Bersama cucu
	$\frac{1}{3}$	Ketiadaan cucu & anak lain
Suami	$\frac{1}{2}$	Ketiadaan anak
	$\frac{1}{4}$	Bersama anak
Isteri	$\frac{1}{4}$	Ketiadaan anak
	$\frac{1}{8}$	Bersama anak
Saudara seibu	$\frac{1}{6}$	Seorang
	$\frac{1}{3}$	Ramai
Saudara perempuan	$\frac{1}{2}$	Seorang
	$\frac{2}{3}$	Ramai
	Asabah	Bersama saudara lelaki
Saudara Lelaki	Asabah	Seorang

Senarai yang dinyatakan di atas ialah golongan *ashabul furud* menerima pembahagian faraid atas sebab tertentu iaitu kerana adanya pertalian darah dan sebab mempunyai ikatan

perkahwinan (Al-Sabuni). Selain senarai dia atas, terdapat beberapa kategori waris yang turut layak menerima pusaka seperti *zawil arham* (kerabat jauh) sekiranya si mati tidak meninggalkan waris seperti senarai di atas dan terdapat kaedah pembahagian kepada golongan tertentu sekiranya masih terdapat lebihan harta (*radd*) setelah dibahagi sebelum diserahkan kepada Baitul mal sebagai pilihan terakhir.

Pun begitu, cara pentadbiran dan pengurusan harta pusaka tidak disebutkan secara nyata dan terperinci. Bagi memanfaatkan sistem faraid, satu pengurusan yang baik dan berkesan perlu dilaksanakan agar hikmahnya dapat dirasai oleh waris yang ditinggalkan oleh si mati khususnya dan menjana ekonomi masyarakat Islam umumnya. Perkara ini perlu diambil perhatian bagi menghindari isu-isu sampingan yang boleh mengundang kepada permasalahan lebih-lebih lagi berkaitan nafkah waris yang ditinggalkan. Menurut Mannan (1970), pembahagian secara faraid memainkan peranan penting meletakkan golongan wanita bersama-sama kaum lelaki bagi menjana kegiatan ekonomi. Menurutnya lagi, faraid menzahirkan ciri anti-kapitalis di mana pembahagian harta dibahagi kepada semua waris tidak mengira jantina atau tidak dimonopoli oleh pihak tertentu. Bahagian harta yang disampaikan menerusi al-Quran ialah ketetapan mengikut pengetahuan Allah s.w.t sebagaimana dinyatakan pada akhir ayat 11 dari surah An-Nisa:

... إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا ...

“..kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Selepas Perang Dunia kedua, undang-undang pentadbiran harta pusaka tanpa mengira agama dan suku kaum dikendalikan oleh Mahkamah Sivil (Wan Mohammad, 1983) yang berasaskan dari undang-undang Inggeris seperti mana undang-undang lain yang terpakai di negara ini. Sehingga ke hari ini pentadbir pusaka merupakan badan atau institusi dari kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi, Bahagian Pembahagian Pusaka dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dan Amanah Raya Berhad.

Ketiga-tiga agensi ini memainkan peranan dan fungsi yang berbeza pada setiap satunya. Perbezaan agensi ini tertakluk kepada bidang kuasa yang berlandaskan peruntukan statut khasnya yang tersendiri. Undang-undang tersebut ialah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 bagi Mahkamah Tinggi, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 bagi Bahagian Pembahagian Pusaka, JKPTG dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1950 bagi Amanah Raya Berhad. Rentetan dari kepelbagai institusi dan undang-undang pusaka, maka terdapat juga beberapa kategori dan jenis harta pusaka berdasarkan nilai dan bentuk harta pusaka ditinggalkan oleh si mati sebagai kayu ukur bagi menentukan kedudukan dan bidang kuasa institusi-institusi yang berkenaan. Kategori harta merangkumi harta tak alih yang terdiri dari harta yang tidak boleh dipindah dari kedudukan asalnya seperti rumah, tanah, bangunan dan seumpamanya yang mana bertentangan dengan kategori harta alih iaitu harta yang boleh diubah kedudukannya seperti

wang ringgit, peralatan rumah, wang simpanan KWSP dan seumpamanya. Kategori yang ketiga ialah campuran harta alih dan harta tak alih yang terdiri daripada kedua-dua kategori harta seperti yang telah dinyatakan. Kategori harta ini terdapat dalam tafsiran harta pusaka yang diperuntukkan dalam seksyen 2 Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1993.


Manakala jenis harta pula ditentukan atas nilai harta tersebut. Terdapat beberapa jenis harta bagi mengiktiraf kuasa agensi yang terbabit iaitu yang pertama, harta pusaka kecil. Definisi harta pusaka kecil terdapat pada seksyen 3 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang mana terdiri dari harta tak alih dan campuran harta alih dan tak alih berjumlah RM 2 juta serta tidak berwasiat. Kedua, harta pusaka besar atau juga dikenali sebagai harta pusaka biasa. Harta ini terdiri daripada nilai harta alih dan tak alih atau harta tak alih sahaja melebihi nilai RM 2 juta atau harta yang berwasiat walaupun nilainya kurang RM 2 juta.

Jadual 2: Agensi-agensi yang terlibat dalam pentadbiran harta pusaka

Agensi	Kategori harta	Nilai harta	Sumber kuasa
Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan ketua pengarah Tanah dan Galian	Harta Pusaka Kecil	Harta alih dan tak alih kurang dari RM 2 juta	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
Amanah Raya Berhad	Harta Pusaka Ringkas	Harta alih kurang dari RM600,000	Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
Mahkamah Tinggi	Harta Pusaka Besar	Harta alih dan tak alih lebih dari RM 2 juta atau harta bersama wasiat (bukan Islam)	Akta Probet dan Pentadbiran 1959
Mahkamah Syariah	Bidang kuasa: 1.Menentukan waris dan pembahagian dari kategori dan nilai harta di atas. 2.Memutuskan isu berkaitan wasiat dan hibah		Akta Pentadbiran Agama Islam 2003

Berikut merupakan carta alir proses pengurusan dan pentadbiran harta pusaka diberikan kepada organisasi dan badan mengikut bidang kuasanya yang tersendiri.

Rajah.1: Carta alir proses pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia



Metodologi

Di samping sumber primer yang terdiri daripada Perlembagaan Persekutuan, Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Perbadanan Amanah Raya

Berhad 1995 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, kajian juga mengambil kira analisis dokumen dari sumber sekunder iaitu dari penerbitan dan kajian terdahulu meliputi perbahasan sarjana dan pengamal undang-undang bagi memahami kajian dalam bidang undang-undang pusaka Islam dan pengurusan tuntutan harta pusaka Islam di Malaysia.

Isu Tuntutan Harta Pusaka

Pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia secara umumnya diagihkan kepada tiga agensi utama di bawah pentadbiran persekutuan iaitu Mahkamah Tinggi, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Kementerian Tanah dan Galian dan Amanah Raya Berhad. Pengagihan ini dibuat berdasarkan peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

Pada masa yang sama Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri juga mempunyai peranan yang tidak dapat diperkecilkan apabila timbul isu-isu koleteral yang melibatkan hukum syarak dalam pengurusan dan pentadbiran harta. Antara isu koleteral yang berkait rapat dengan pusaka ialah urusan harta amanah si mati seperti wasiat, hibah, wakaf, nazar, amanah khairat, dan zakat perlu diselesaikan terlebih dahulu. Hal ini demikian, harta yang tinggal setelah pindah milik harta berikut sahaja merupakan harta pusaka dan boleh dibahagikan kepada waris. Maka dengan itu, status harta peninggalan perlu jelas kedudukannya sama ada harta tersebut harta amanah yang dikuatkuaskan selepas kematian si mati atau sememangnya harta tersebut harta pusaka yang berhak kepada waris. Begitu juga harta kekeluargaan seperti nafkah, *muta'ah* dan harta sepencarian perlulah dikenal pasti serta diselesaikan terlebih dahulu (Naiimi, 2016). Selain daripada itu, pertalian darah, keturunan, kekeluargaan dan perkahwinan menjadi syarat pewarisan harta pusaka. Maka dengan itu, keesahan perkahwinan, penentuan nasab dan pengesahan ahli waris perlu diputuskan terlebih dahulu oleh Mahkamah Syariah. Sememangnya pembahagian pusaka melibatkan undang-undang diri dan keluarga Islam yang diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang mana tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri apabila ianya melibatkan harta pusaka orang Islam.

Kewujudan institusi dan statut yang diterima pakai dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka adalah disebabkan pemecahan kuasa pentadbiran kerajaan mengikut sistem federal. Penubuhan negara persekutuan di Malaysia adalah disebabkan kedudukannya yang strategik dan pentadbiran bentuk bersekutu ini kekal dari tahun 1948 akibat daripada kehendak British. Persekutuan Malaysia memenuhi ciri bentuk federalism menurut Dicey di mana pembentukan negara ini hasil dari peninggalan sejarah selain kedudukan sebuah negara persekutuan kesan dari kedudukan geografinya. Kepelbagai budaya, bangsa dan agama rakyat Malaysia menjadi faktor pemilihan sistem federalisme diterima baik dan sesuai terpakai di Malaysia (Harihar,2005). Namun, pembentukan sistem peninggalan British tidak menjamin kelancaran pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam mengikut landasan Syariah dengan sebaiknya (Nordin, Shuib, Zainol, Mohamed Adil,2012)

Kedua-dua peringkat pentadbiran kerajaan mempunyai kuasa yang sama atas pusaka Islam di Malaysia. Namun, kepelbagai agensi berserta statut yang berbeza dalam pentadbiran dan

pembahagian harta pusaka Islam turut membawa prosedur yang berbeza mengundang kekeliruan di kalangan masyarakat awam (Abdul Rahmaan, 2007; Risnadewi, 2010). Berdasarkan apa yang dinyatakan dalam peruntukan perundangan Persekutuan seksyen 4(e) Senarai Persekutuan iaitu berkaitan hal probet dan pentadbiran. Jika berlaku pertikaian antara dua kerajaan yang memerintah di peringkat pusat dan peringkat negeri, undang-undang menetapkan agar keutamaan diberikan kepada Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 4(f) kecuali perwarisan orang Islam dan senarai negeri memperuntukkan kuasa kepada kerajaan negeri di bawah senarai dua senarai negeri. Kerajaan negeri boleh membuat undang-undangnya sendiri dalam bidang kuasanya yang mana tidak disebut dalam perkara Persekutuan kerana ia mempunyai dewan perundangannya sendiri dan berkuat kuasa dalam negeri tersebut (Agus Yusoff, 2006). Seperti mana menurut Joseph (2007) Malaysia dikatakan Negara *quasi-federal* (tidak ada keseimbangan kuasa kerajaan negeri dan kerajaan pusat) kerana perlumbagaannya yang tidak seimbang dan memberi lebih kuasa kepada kerajaan pusat sehingga membolehkan kerajaan mencampuri bidang kuasa kerajaan negeri.

Walaupun Mahkamah Syariah diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan ke atas apa-apa pertikaian yang melibatkan transaksi khusus harta orang Islam, dalam keadaan tertentu secara umumnya adalah dihadkan. Sebagai contoh, semua statut yang terpakai dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka tidak menjadikan Mahkamah Syariah sebagai tempat rujukan utama dalam isu pusaka Islam sehingga kaitan hukum syarak dan sistem pengurusan dan pentadbiran pusaka Islam di bawah peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 masih kurang jelas. Demikian itu, penyelesaian harta pusaka Islam menjadi sukar kerana perlu berurus dengan lebih daripada satu agensi meskipun pendedahan maklumat kini boleh didapati secara atas talian (Halim 2009; Nasrul, 2017). Tidak dapat dinafikan sikap dan kesedaran masyarakat awam yang kurang menyumbang kepada faktor andaian tindakan prosedur penyelesaian pusaka menjadi rumit (Abdul Rahman, 2007; Noraini, 2015; Wan Suraya, 2016; Nasrul, 2017).

Selain daripada masalah kekurangan kuasa Mahkamah Syariah akibat daripada latar belakang sistem perundangan negara (Noordin, 2012), kelancaran pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia juga terkesan oleh pelbagai peruntukan undang-undang lain seperti undang-undang adat di Negeri Sembilan, undang-undang melibatkan pentadbiran tanah mahupun wang simpanan atau harta alih yang lain. Malah terdapat peruntukan undang-undang dan kadang-kadang polisi dalaman yang memberi kuasa kepada pelbagai agensi tertentu untuk membahagi harta pusaka tanpa perlu merujuk kepada empat agensi yang disebutkan sebelum ini. Kesannya, terdapat perintah yang tidak dapat dilaksanakan berikutkan kaedah pentadbiran yang berbeza. Kekaburan dan kekeliruan akibat daripada kepelbagai undang-undang dan juga agensi yang diberi kuasa untuk mengurus dan mentadbir harta pusaka Islam membawa kepada kritikan dan keluhan serta rungutan masyarakat sehingga ada yang menyalahkan pihak Mahkamah Syariah, Pejabat Tanah dan agensi lain apabila urusan pusaka mereka tidak selesai, berlaku ketidakadilan dan proses penyelesaian yang lambat serta menyulitkan (Rahman, 2015). Malah perkara di atas juga telah menimbulkan pelbagai persoalan tentang keseragaman, kecekapan dan keberkesanannya sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam.

Cadangan Dan Kaedah Penyelesaian

Terdapat banyak kajian dan penulisan berkaitan pengurusan tuntutan harta pusaka di Malaysia menunjukkan bahawa pengurusan tuntutan harta pusaka yang rumit. Pada setiap kajian dan penulisan itu turut mengutarakan cadangan dan kaedah penyelesaian bagi merungkai kerumitan yang dihadapi dalam pengurusan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia.

Jadual 3: Cadangan penambahbaikan dari kajian terdahulu

Penulis dan Tahun Kajian	Cadangan Penyelesaian
Mohamad Cusairi @ Khushairi (2003) Abdul Rahman (2008) Wan Harun (2009) Sapiyi (2016) Abdul Rahman (2018) Nasrul (2017)	Penubuhan sebuah entiti atau pusat sehenti melibatkan semua agensi pengurusan dan pentadbiran harta pusaka .
Shafie & Wan Zahari (2016) Zuleika (2012) Hussin (2016)	Merancang pembahagian harta sebelum kematian melalui wasiat, hibah dan wakaf.
Nik Wajis (2018) Abdul Rahman (2018) Zueika (2012) Awang (2008) Ahmad Razimi (2016) Kamarudin (2016)	Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan ahli waris terhadap pengurusan pentadbiran pusaka di Malaysia
Awang (2008) Muda (2016)	Mengadakan undang-undang bertulis pusaka Islam (faraid) bersifat substantif sebagai rujukan agensi pengurusan dan pentadbiran harta
Awang 2008 Abdul Rahman (2018)	Menyelaras dan memperkasa bidang Mahkamah Syariah di semenanjung sebagai institusi pengurusan dan pentadbiran pusaka orang Islam seperti mana di Sabah dan Sarawak.
Awang (2008)	Perlantikan panel Syariah di setiap agensi pengurusan pusaka sebagai mandatori.
Noordin (2013) Nasrul (2017)	Memberi penumpuan pengurusan harta pusaka melalui pendidikan di setiap peringkat pengajian
Noordin (2013)	Memperkenalkan model NFP (<i>Network Flow Programming</i>) yang dapat memberi kefahaman proses tuntutan kepada masyarakat.

Jadual 4: Perkembangan usaha penambahbaikan pengurusan harta pusaka

Usaha penambahbaikan	Tahun mula
Pensyarah Universiti Sains Malaysia berjaya membina perisian sistem e-Faraid	1999
Perisian e-Faraid diguna pakai oleh JKPTG	2000
Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) memperkenalkan perisian sistem e-Syariah sebagai perkongsian maklumat dengan agensi yang berkaitan	2001
Dewan bicara khas pusaka ditubuhkan di Mahkamah Syariah Terengganu	2016
Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 ditambah baik permudah urusan pusaka	2018

Sumber: Noordin (2012) , Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Che Noh (2018)

Jadual 3 merupakan sumbangan cadangan penambah baikan dari permasalahan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia dari penulisan-penulisan yang terdahulu. Antara penambah baikan dalam pengurusan dan pembahagian harta pusaka Islam dilaksanakan oleh individu, kumpulan dan badan autoriti tertentu disenaraikan pada jadual 4. Walau bagaimanapun, perkembangan ini memberi satu gambaran bahawa permasalahan ini mendapat perhatian dan perlu diperbaiki dari masa ke semasa bertujuan mempraktikkan pematuhan syariah dalam pembahagian pusaka Islam dan memperkasa kedudukan Mahkamah Syariah sebagai satu badan kehakiman berautoriti yang berkait dengan perundangan diri orang Islam termasuklah pengurusan dan pembahagian pusaka.

Kesimpulan

Pembahagian pusaka Islam (faraid) dinyatakan secara jelas dan telah ditetapkan dalam al-Quran. Pengurusan dan pentadbirannya bergantung kepada manusia yang bertanggungjawab mentadbir alam. Bagi memastikan pembahagian mengikut landasan syariat, intitusi pentadbiran perundangan Islam perlu sama memainkan peranan dalam memperkasa perundangan Islam. Penentuan dan pengiraan faraid perlu didedahkan kepada semua lapisan masyarakat lebih-lebih lagi yang beragama Islam agar kewujudan dan manfaatnya diketahui dan mengubah stigma pengiraan faraid adalah sukar dan menyulitkan.

Tidak dinafikan, terdapat banyak kajian dan penulisan telah dijalankan mengenai pengurusan harta pusaka Islam. Di sini jelas melihatkan kekaburuan dari sudut pengurusan dan pentadbiran pusaka Islam selain kesedaran perancangan harta yang masih kurang di kalangan ahli waris. Walau bagaimanapun, penulisan dan kajian ini perlu terus dilakukan sebagai satu inisiatif menyampaikan maklumat dan menyebarkan pengetahuan agar ianya tidak putus dari generasi ke generasi seterusnya. Penulisan berterusan ini diharapkan dapat diteruskan agar penambah baikan dari sudut perundangan dan sistem pentadbiran harta pusaka mencapai perkembangan

atau tahap pencapaian yang memberi kelegaan kepada masyarakat dari sudut perundangan yang seragam, institusi dan prosedur yang jelas.

Rujukan

- Abas, N. 2006. 38b Tidak Dituntut. *Berita Harian*, 4 Julai.
- Abdul Aziz Bari. 2006. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim, T. 2009. RM31 juta Harta Pusaka Masih Tidak Dituntut. *Utusan Malaysia*, Mei 2.
- Abdul Rahman, N.S., Abdul Ghani, N., Talib, H., Abdul Salam, N.Z., Abdul Rahman, N.S. 2018. Pengurusan Tuntutan Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*. 1: 96-117.
- Abdul Rahman, S., Md Khalid, R., Abdul Rahman, A., Jaafar, A.B. 2018. Pemerkasaan Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran Harta Pusaka Masyarakat Islam menurut Kerangka Federelisme di Malaysia. *Akademika* 88(3):113-125.
- Arbee, R. 2007. Mengapakah RM40b Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan? *Dewan Masyarakat*. Julai.
- Aziz, I. H. 2016. RM60b Harta Umat Islam Tidak Dituntut. *Berta Harian*, Mac 29.
- Che Noh, N. 2018. Akta Ditambah Baik Permudah Pusaka. *Berita Harian*, Januari 9:3
- Halim, A.H., Arshad, A. 2014. Penentuan Harta Pusaka di Malaysia: Kajian dari Perspektif Undang-undang Sivil dan Syariah. *Makalah 26 Kanun* (2).
- Hassin. W.S.W., Shahar, W.S.S & Zan, U.M.S.M. 2016. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Harta Pusaka Beku di Malaysia. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*. 31 October- 1 November. Thailand.
- Ishak, O. 1979. *Hubungan Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamarudin, M.K., Abdullah, A. 2016. Amalan Pembahagian Faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(3): 11-19.
- Muda, R. 2016. Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Malaysian Journal of Shariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia*. 4: 12-26.
- Mustapha, W.M.W. 1983. *Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nasrul, M.A.D., Salim, W.N.M., Said, M.H.M & Manap, S.N.A. (2017). Administration of Estates in Malaysia: Jurisdiction and Misconception. *UUMJLS* 8: 183-197.
- Nik Wajis, N.R., Abdul Mutalib, L., Abdul Rahman, A., Mochamad Shahid, M., Nik Saleh., N.S., Mohd Rusli, M.H., Mohamed Ali, M., Abdul Rab, M.A., Gunardi, S., Tagoranao, M.S., Mas'ad Saleh, M.A., Hanafi, L.H., Ahmad, A.S. 2018. Harta Tidak dituntut: Punca dan Kaedah Penyelesaian. *Malaysian Journal of Shariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia*. 7: 129-141.
- Noordin, N. et al. 2012. Review on Issues and Challenges In Islamic Inheritance Distribution in Malaysia. *International Journal of Sustainable Development* 3:12.

- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M.S & Adil, M.A.M. 2013. Delay in Islamic Inheritance Claim-an Ignorance Issue. *Science Direct*.
- Saadan, M.K.K., Haron, M.S. 2018. Teori Maslahah dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam. *Journal of Muwafaqat Faculty of Shariah and Law Kolej Universiti Islam Selangor* 1: 01-17.
- Sabirin, A. 2014. Umat Islam Rugi Berbilion Ringgit Kerana Harta Pusaka. Januari 20.
- al-Sabuni, M. Ali. 1985. *Al-Mawarith fi Shariah al-Islamiah fi Dhu al-Kitab wa Sunnah*. Bayrut: 'Ilm al Kitab.
- Shafie, F., Wan Zahari, W.Y., Al-Edrus, S.M.D. 2016. Factors of Failure and Delay in Islamic Inheritance Distribution in Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences&Engineering)*.
- Talib, H., Ghani, N.A., Salam N.Z.A., Rahman, N.S. A., Rahman, N.S.A. & Samad F.A. 2017. Isu-isu Tuntutan Harta Pusaka: Satu Sorotan Literatur. *Proceeding of the 4th International Conference on Management & Muamalah*. 7-8 November. Selangor. Malaysia.
- Talib, H., Ghani, N.A., Salam, N.Z.A., Rahman, N.S.A., Samad, F., 2019. Isu-isu Tuntutan Harta Pusaka: Sorotan literature. Kolej Univerisiti Islam Selangor. *Proceeding of the 4th International Conference on Management & Muamalah 2017*.
- Zuleika, A. & Desinthya, N.P. 2014. Islamic Inheritance Law (Faraid) and Its Economic Implication. *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)*. Kuala Lumpur.